

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**RUJUKAN : 6585**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a)bilangan serbuan ke atas mesin perjudian haram (mesin kuda) yang dijalankan di Sibu pada setiap tahun dari 2011 hingga 2014; dan

(b)bilangan kes yang telah dibawa ke mahkamah serta bilangan kes yang dikenakan hukuman dan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk menutupkan semua kedai mesin perjudian haram di Sibu dan Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Pihak PDRM khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram dalam negara ini. Kawalan ke atas aktiviti perjudian sentiasa dipantau dengan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya Cawangan D7, iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjaskan imej negara.**

**Statistik serbuan, tangkapan dan rampasan bagi daerah Sibu yang dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga 2014 (Januari – Februari) seperti berikut:-**

<b>JUMLAH SERBUAN MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER DAERAH SIBU</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>SERBUAN</b>	<b>TANGKAPAN</b>	<b>RAMPASAN</b>
2011	1	1	1
2012	96	152	301
2013	632	219	285
2014 (1 JAN – 26 FEB 2014)	46	74	142

**Bagi menjawab soalan (b), jumlah mereka yang didakwa di Mahkamah atas kesalahan perjudian seperti berikut:-**

<b>JUMLAH PENDAKWAAN MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER DAERAH SIBU</b>			
<b>TAHUN</b>	<b>TUDUH</b>	<b>NFA</b>	<b>DALAM SIASATAN</b>
2011	-	-	1
2012	1	4	1
2013	-	6	39
2014 (1 JAN – 26 FEB 2014)	-	-	9

**Antara langkah-langkah penguatkuasaan yang dijalankan ialah:-**

- i) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.
- ii) Mengambil tindakan ke atas pemain serta pengajur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953.
- iii) Mengadakan operasi-operasi berterusan ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti perjudian haram.
- iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta kerajaan tempatan

**dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.**

- v) **Sekiranya ada sebarang maklumat berkaitan penglibatan pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang lain, tindakan akan diambil terhadap pegawai berkenaan termasuk mendakwa di mahkamah.**